

Siri Webinar DIGITALISASI TVET:

MENEROKA NORMA BAHARU

Pengeluaran Sijil Kehadiran

Berikut adalah proses pengeluaran Sijil Kehadiran bagi Siri Webinar Digitalisasi TVET: Meneroka Norma Baharu anjuran JPPKK.

1. Proses ini hanya dikhususkan kepada warga JPPKK sahaja.
2. Setiap kali peserta menghadiri satu slot Webinar, WebEx akan merakam durasi masa tuan/puan mengikuti slot tersebut. Ini dikenali sebagai **DURASI KEHADIRAN (DK)** dan ianya dilapor dalam skala minit.
3. Bagi memastikan peserta webinar memberi fokus sepenuhnya kepada sesi Webinar, maka satu mekanisme akan digunakan untuk mengesan aktiviti lain yang dijalankan semasa sesi tersebut. Mekanisme tersebut dinamakan **NISBAH TUMPUAN KEHADIRAN (NTK)** yang dikesan melalui algoritma yang terdapat dalam WebEx.

Ia dapat mengesan kerja-kerja *multitasking* oleh peserta Webinar seperti penggunaan perisian *Microsoft Office*, atau membaca FB, atau menjawab *WhatsApp* dan lain-lain yang dibuat melalui peralatan pada waktu yang sama dengan sesi Webinar.

- .
4. Kedua-dua mekanisma **DK** dan **NTK** akan digunakan sebagai syarat bukti kehadiran setiap sesi Webinar. Setiap peserta yang memenuhi syarat-syarat ini akan menerima **NOTA PENGESAHAN KEHADIRAN (NPK)** seperti Rajah 1 di bawah melalui email masing-masing.
 5. Bagi memastikan setiap peserta Webinar berjaya memperolehi **NPK** bagi setiap slot siri Webinar maka peserta perlu :-
 - a. Menulis nama dan Institusi dengan tepat
 - b. Memastikan Durasi Kehadiran (**DK**) selama **50 minit**.
 - c. Memastikan mencapai Nisbah Tumpuan Kehadiran (**NTK**) sekurang-kurangnya **80%**, iaitu penumpuan “tanpa kerja lain” berbanding tumpuan kepada sesi Webinar seharusnya minima **40 minit** setiap slot.
 6. Proses memperolehi sijil kehadiran Webinar akan diumumkan tidak lama lagi. Warga JPPKK di galakkan untuk mengumpul seberapa banyak **NPK** yang mampu. Ketetapan jumlah **NPK** ke satu satu Sijil Kehadiran masih belum dikenalpasti.



Rajah 1: Contoh Nota Pengesahan Kehadiran

BIPD, JPPKK